KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	013.03.22	MUKA SURAT	:	17
JABATAN	:	JMG			

lokal

TANAH RUNTUH TAMAN BUKIT PERMAI 2

ANALISIS GUNA TEKNOLOGI MYSA

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

Ampang

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) membantu kerajaan dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) dalam operasi serta perancangan berhubung kejadian tanah runtuh di Taman Bukit Permai 2 di sini, melalui analisis serta teknologi *remote sensing* angkasa.

Timbalan Menterinya, Datuk Ahmad Amzad Hashim berkata, analisis itu dibuat menggunakan teknologi dibangunkan Agensi Angkasa Malaysia (MYSA).

"Ada tujuh jenis maklumat yang diperlukan berkaitan dengan *remote sensing* dan imej satelit yang sepatutnya boleh memberi maklumat awal, sekali gus membantu daripada segi menangani risiko kejadian seperti ini.

"Sebelum ini, berlaku kejadian sama di Kemensah dan kita pernah kerjasama dengan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menerusi *System E-Slope* yang membantu berkaitan pembangunan cerun.

"Ini kerjasama MYSA dengan pihak berkuasa tempatan (PBT)," katanya ditemui selepas meninjau lokasi kejadian semalam.

Ahmad Amzad berkata, Mosti berperanan dalam memberikan maklumat yang diperlukan menggunakan satelit.

"Perkara itu kita sudah laksanakan dan ia skop di bawah Mosti dan kunjungan saya di sini, bagi memastikan kita tidak terlepas pandang daripada segi apa-apa maklumat.

"Selain itu, ia bagi membolehkan kita membantu kerajaan daripada segi membuat keputusan dan lain-lain," katanya.

Terdahulu, Harian Metro melaporkan empat maut manakala seorang cedera pada kejadian tanah runtuh di Taman Bukit Permai 2 pada Khamis lalu.



LAPORAN Harian Metro, semalam


AHMAD Amzad